

## TAJUK : PERIBAHASA

A) Isi tempat kosong dengan peribahasa yang sesuai.



Sediakan payung sebelum hujan	Bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat	Seperti kerbau dicucuk hidung
Genggam bara api biar sampai jadi arang	Darah daging	Untung sabut timbul, untung batu tenggelam
Jika melentur buluh biarlah dari rebungnya	Sedikit-sedikit lama-lama menjadi bukit	Bagai tikus membaiki labu

1. Dengan adanya kerjasama dalam masyarakat, keadaan masyarakat itu akan menjadi kuat dan sebarang pekerjaan dapat dilaksanakan dengan mudah. \_\_\_\_\_
2. Apabila melakukan sesuatu pekerjaan, hendaklah dilakukan secara bersungguh-sungguh dan diusahakan sehingga berjaya. \_\_\_\_\_
3. Generasi pelapis yang akan memikul tanggungjawab terhadap negara pada masa depan dan masing-masing mempunyai peranan yang sama penting. \_\_\_\_\_
4. Berjaga-jaga lebih baik sebelum bencana atau perkara buruk berlaku. \_\_\_\_\_
5. Mengikut sahaja kehendak orang lain. \_\_\_\_\_
6. Nasib yang baik akan menyebabkan seseorang itu selamat atau mendapat rezeki, jika bernasib malang seseorang itu akan menghadapi masalah. \_\_\_\_\_
7. Jika melakukan sesuatu secara perlahan-lahan, akhirnya bertambah hasilnya.  
\_\_\_\_\_
8. Orang yang tidak tahu untuk membaiki sesuatu benda tetapi cuba memperbaikinya hingga benda itu menjadi rosak. \_\_\_\_\_
9. Anak yang ada pertalian darah dengan ibu atau bapanya. Adat atau sesuatu kelaziman pada sesuatu kaum ataupun seseorang. \_\_\_\_\_
10. Jika hendak mendidik anak hendaklah bermula sejak kecil lagi. \_\_\_\_\_

### B) Padankan peribahasa yang tepat.

- |   |   |   |
|---|---|---|
| Indah khabar daripada rupa  | • | Dikatakan mengenai orang yang suka bertolong-tolongan.  |
| Yang bulat tidak datang bergolek yang pipih tidak datang melayang | • | Khabar mengenai satu-satu perkara biasanya dilebih-lebihkan (daripada keadaan yang sebenarnya). |
| Bagai aur dengan tebing   | • | Beruntung banyak sama-sama mendapat banyak, beruntung sedikit sama-sama mendapat sedikit.       |
| Hati gajah sama dilapah, hati kuman (tungau) sama dicecah         | • | Rezeki perlu diusahakan dan tidak datang dengan sendirinya.                                     |

### C) Padankan peribahasa yang tepat.

- |   |   |  |
|---|---|--|
|  | • | Berjaga-jaga lebih baik sebelum bencana atau perkara buruk berlaku   |
|  | • | Persahabatan yang kukuh / erat   |
|  | • | Jika melakukan sesuatu secara perlahan-lahan, akhirnya bertambah hasilnya.   |
|  | • | Puan hamidah berasa kecil hati dengan anaknya yang tidak mendengar nasihatnya walaupun sudah dewasa. Sikap anaknya seperti _____ |